

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [LAHAD DATU] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sekolah menengah agama di Parlimen Lahad Datu akan mula dibina, dan bantuan yang diberikan kepada pelajar sekolah agama di Sabah bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengambil kira pelbagai aspek sebelum sesebuah sekolah baharu dibina di atas tanah yang telah dirizabkan untuk tujuan pendidikan. Antara perkara yang diambil kira dalam mempertimbangkan pembinaan sesebuah sekolah baharu adalah seperti yang berikut:

- i. kesediaan tapak atau tanah;
- ii. bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada yang berhampiran;
- iii. kepadatan penduduk di kawasan sekitar;
- iv. liputan kawasan tadahan penduduk (catchment area); dan
- v. perancangan pembangunan kawasan terlibat berdasarkan perbincangan bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

SOALAN NO : 41

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat berhubung pembinaan sekolah menengah agama di Lahad Datu, KPM hendak memaklumkan bahawa terdapat sembilan buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), enam buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan 58 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang melaksanakan Kelas Aliran Agama (KAA) di negeri Sabah.

Dalam parlimen Lahad Datu terdapat enam SMK harian yang melaksanakan KAA dan menawarkan pakej mata pelajaran seperti di SMKA. Selain itu juga, terdapat dua buah SMKA yang berhampiran, iaitu SMKA Tun Sakaran, Semporna dan SMKA Tun Juhar, Sandakan yang mempunyai kemudahan asrama dan mampu menampung kapasiti kemasukan murid dari daerah sekitarnya termasuk dari kawasan Lahad Datu.

Justeru, pada masa kini tiada keperluan mendesak untuk membina sekolah menengah agama di Lahad Datu kerana sekolah sedia ada masih berupaya untuk menampung keperluan pendidikan sekolah agama bagi murid di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyediakan penajaan bagi murid lepasan SPM dalam Program Pelajar Cemerlang (PPC) iaitu bidang Pendidikan Islam, Bahasa Arab, dan Qiraat dan al-Quran di Jordan. Model pengajian bagi program ini adalah selama 61 bulan yang merangkumi satu bulan Kursus Persediaan di Malaysia, 48 bulan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Jordan dan 12 bulan pada peringkat Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Selain itu murid-murid sekolah agama juga berpeluang untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) selama empat tahun dan akan menerima bayaran Elaun Sara Hidup sebanyak RM430.00 sebulan dan belanja tambang pergi balik pada kadar maksimum RM500.00 sekali setahun.